A

Sim Chee Hung lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(M)-354-09 TAHUN 2020
KAMALUDIN MD SAID, ABU BAKAR JAIS DAN HASHIM HAMZAH HHMR
27 MAC 2023

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Pertuduhan mengedar dadah — Pembelaan pembawa tidak bersalah — Sama ada hakim bicara menilai dengan adilnya pembelaan menurut s 182A Kanun Tatacara Jenayah — Sama ada hakim biacara telah salah arah hingga terjumlah
D *kepada tiada arahan — Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila mensabitkan perayu di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dan menjatuhkan hukuman mati — Sama ada pengedaran di bawah s 2 ADB dibuktikan — Sama ada kawalan, jagaan dan pengetahuan dibuktikan — Sama ada pemilikan dibuktikan — Sama ada terdapat keraguan dalam*
E *keterangan saksi — Sama ada terdapat kelompangan dalam kes pendakwaan — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2 & 39B(1)(a) — Kanun Tatacara Jenayah s 182A*

Rayuan ini adalah berkaitan dengan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan
F oleh Mahkamah Tinggi terhadap perayu atas pertuduhan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Kes pendakwaan adalah berdasarkan keterangan seorang detektif ('SP4') yang bertugas di KLIA2 yang telah menjalankan pemeriksaan ke atas perayu dan beg miliknya ('P18') selepas mendapati perayu berada dalam keadaan
G mencurigakan dan gelisah. Melalui pemeriksaan ke atas P18, SP4 menemui dadah syabu (yang menjadi subjek pertuduhan ini) di bawah papan yang dilapikkan di dalam beg tersebut. Di akhir kes pendakwaan, hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') mendapati bahawa: (a) berdasarkan keterangan ahli kimia,
H dadah tersebut adalah dadah berbahaya jenis methamphetamine seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama ADB seberat 1414g; (b) berdasarkan keterangan-keterangan antaranya keterangan SP4, seluar jeans yang yang dijumpai di dalam P18 yang mengandungi profil DNA perayu, tag beg bagi P18 di bawah nama perayu, dan rakaman CCTV yang menunjukkan bahawa perayu sejak dari awal telah memegang P18, mahkamah telah menyimpulkan
I pemilikan perayu terhadap dadah tersebut; (c) berdasarkan keadaan di mana hanya perayu sahaja mengetahui kombinasi kunci bagi P18, kandungan P18 yang mengandungi pakaian perayu, dan cara dadah tersebut disembunyikan, mahkamah membuat inferens bahawa perayu mengetahui bahawa P18 mengandungi dadah tersebut; dan (d) perayu telah membawa dari satu tempat

ke tempat yang lain dadah tersebut dan berdasarkan jumlah dadah tersebut yang banyak, tidak mungkin ianya untuk kegunaan perayu sendiri. Berdasarkan dapatan-dapatan tersebut, HMT telah menyimpulkan bahawa kes prima facie telah dibuktikan. Dalam pembelaannya, perayu menyatakan bahawa dia ingin pergi ke Busan, Korea Selatan untuk bekerja atas bantuan seorang ejen bernama Ah Kent yang telah menyediakan keperluannya termasuklah beg P18 tersebut yang telah tersedia di dalam kereta 'Grab' yang dinaikinya untuk pergi ke KLIA2 pada hari kejadian. Mahkamah Tinggi menolak pembelaan perayu yang berdasarkan prinsip pembawa tidak bersalah. Di akhir kes pembelaan, HMT mendapati bahawa: (i) 'Notice Alcontara' berkenaan Ah Kent bukanlah notis yang baik dan sempurna kerana ianya telah diberikan dengan begitu lewat oleh perayu dan perayu juga gagal memberi butir lengkap mengenai Ah Kent kepada pihak polis, oleh itu, mahkamah tidak percaya mengenai kewujudan Ah Kent; (ii) perayu gagal membuktikan pembelaan pembawa tidak bersalah terutamanya apabila perayu gagal menjalankan pemeriksaan kandungan P18 sebelum mendaftar masuk beg tersebut; (iii) pembelaan perayu gagal menimbulkan keraguan munasabah; dan (iv) pihak pendakwaan berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah dan seterusnya perayu disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman mati. Dalam rayuan semasa, isu-isu yang timbul adalah: (A) sama ada HMT telah menilai dengan adilnya pembelaan menurut s 182A Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'); (B) sama ada HMT telah salah arah hingga terjumlah kepada tiada arahan; (C) sama ada HMT terkhilaf apabila mensabitkan perayu di bawah s 39B(1)(a) ADB dan menjatuhkan hukuman mati; (D) sama ada pengedaran di bawah s 2 ADB dibuktikan; (E) sama ada terdapat keraguan dalam keterangan SP4 dan isu kebolehpercayaan; dan (F) sama ada terdapat kelompangan di dalam kes pendakwaan apabila tidak ada saksi dari kastam yang dipanggil bagi menerangkan bagaimana P18 boleh melepasi scanner kastam dan ini menjejaskan keterangan SP4 ('isu terakhir').

Diputuskan, menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan HMT:

(1) Berdasarkan dapatan-dapatan HMT di atas, mahkamah mendapati bahawa HMT telah menuruti s 182A KTJ. Mahkamah juga mendapati bahawa tiada keperluan untuk semua barang kes dihantar untuk ujian DNA. Sekiranya terdapat keterangan langsung yang kukuh, maka keterangan DNA tidak diperlukan. HMT juga telah membuat dapatan bahawa perayu tahu mengenai dadah yang di bawa memandangkan watak Ah Kent yang ditimbulkan tidak membangkitkan keraguan yang munasabah berdasarkan alasan-alasan yang telah diberikan di atas (lihat perenggan 49–51).

(2) Hakim Mahkamah Tinggi tidak terkhilaf untuk mendapati bahawa: (a) jagaan dan kawalan boleh dibuktikan melalui keterangan langsung atau melalui keterangan ikut keadaan; dan (b) pemilikan boleh dibuktikan melalui anggapan statutori (lihat perenggan 52–53).

(3) Keterangan yang ditujukkan mengenai kes pendakwaan seperti di atas menunjukkan kawalan, jagaan dan pengetahuan perayu mengenai dadah yang dijumpai di dalam beg tersebut. Kelakuan perayu yang takut dan gelisah menunjukkan bahawa perayu mempunyai pengetahuan terhadap kandungan begnya yang mempunyai dadah tersebut. Selain itu, pemilikan yang dibuktikan terhadap perayu adalah berdasarkan keterangan yang telah dijelaskan, bermakna pemilikan ini tidak dapat diragukan dengan munasabah. Bagi elemen pengedaran pula, perbuatan perayu yang sedang membawa beg P18 tersebut dari Kuala Lumpur untuk pejalanan ke Seoul adalah termasuk di dalam definisi pengedaran di bawah s 2 ADB. Tiada keperluan untuk membuktikan 'overt act'. Perayu telah ditahan semasa dalam perbuatan membawa dadah dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam kuantiti yang banyak yang tidak mungkin untuk kegunaan sendiri. Kesimpulan yang boleh dibuat ialah dadah tersebut dibawa untuk tujuan pengedaran (lihat perenggan 54, 56, 58, 60–61, 63 & 67).

(4) Keterangan SP4 sebagai saksi polis telah dengan betulnya diterima oleh HMT. Tiada sebab untuk beliau berniat jahat terhadap perayu. Beliau tidak ada hubungan dengan perayu sebelum ini. Keterangan beliau tidak memihak kepada mana-mana pihak. Beliau memberi keterangan tentang apa yang beliau nampak dan tindakan yang diambilnya. Tiada sebab untuk menyatakan keterangan beliau meragukan dan tidak boleh dipercayai (lihat perenggan 68–69).

(5) Mengenai isu terakhir, isu ini tidak ditimbulkan langsung semasa perbicaraan oleh perayu. Perayu menerima hakikat P18 telah melepasi 'scanner' dan tidak menyoal balas saksi-saksi pendakwaan mengenai perkara ini. Oleh kerana isu ini tidak ditimbulkan semasa perbicaraan, maka pihak pendakwaan tidak perlu memanggil saksi berkenaan perkara ini. Perayu tidak juga mencabar keterangan saksi pendakwaan bahawa dia yang membawa beg yang kemudiannya ditemui dadah (lihat perenggan 71–72).

(6) Berdasarkan penelitian mahkamah ke atas kes pendakwaan dan kes pembelaan serta isu-isu yang telah dijelaskan di atas, mahkamah yakin bahawa pertuduhan yang dihadapi oleh perayu telah pun dibuktikan tanpa keraguan yang munasabah. Mahkamah juga mendapati HMT tidak terkhilaf dalam penemuan fakta dan undang-undang dalam kes ini. Secara kesuluruhannya dapatan beliau tidak harus diketepikan di dalam rayuan ini (lihat perenggan 73–74).

[English summary

This appeal was related to the conviction and sentence handed down by the High Court against the appellant on the charge of trafficking in dangerous drugs under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA'). The

prosecution's case was based on the testimony of a detective ('SP4') on duty at KLIA2 who had carried out an examination of the appellant and his bag ('P18') after finding that the appellant was in a suspicious and agitated state. Through the examination of P18, SP4 found the drug syabu (which was the subject of this charge) under a wooden board lined in the bag. At the end of the prosecution case, the High Court judge ('the HCJ') found that: (a) based on the testimony of the chemist, the dangerous drug was methamphetamine as listed in the First Schedule of the DDA weighing 1414g; (b) based on the evidence including SP4's testimony, the jeans found in P18 that contained the appellant's DNA profile, the bag tag for P18 which was under the appellant's name, and the CCTV footage that showed that the appellant had been holding P18 from the beginning, the court concluded the appellant's possession of the drug; (c) based on the circumstances where only the appellant knew the key combination for P18, the contents of P18 containing the appellant's clothes, and the manner in which the drug was hidden, the court made an inference that the appellant knew that P18 contained the drug; and (d) the appellant had brought the drug from one place to another and based on the large amount of the drug, it was unlikely that it was for the appellant's own use. Based on those findings, the HCJ had concluded that a prima facie case had been proven. In his defence, the appellant stated that he wanted to go to Busan, South Korea to work with the help of an agent named Ah Kent who had prepared his needs including the P18 bag which was already available in the 'Grab' car he took to go to KLIA2 at the material time. The High Court rejected the appellant's defence based on the principle of innocent carrier. At the end of the defence case, the HCJ found that: (i) the 'Alcontara Notice' regarding Ah Kent was not a proper and perfect notice because it was given so late by the appellant and the appellant also failed to give complete details about Ak Kent to the police, therefore, the court did not believe in the existence of Ah Kent; (ii) the appellant failed to prove the defence of innocence carrier especially when the appellant failed to carry out an inspection of the contents of P18 before checking in the bag; (iii) the appellant's defence failed to raise reasonable doubt; and (iv) the prosecution succeeded in proving its case beyond reasonable doubt and subsequently the appellant was convicted and sentenced to death. In the present appeal, the issues that arose were: (A) whether the HCJ had fairly assessed the defence pursuant to s 182A of the Criminal Procedure Code ('the CPC'); (B) whether the HCJ had misdirected which amounted to non-direction; (C) whether the HCJ erred in convicting the appellant under s 39B(1)(a) of the DDA and sentencing him to death; (D) whether trafficking under s 2 of the DDA was proven; (E) whether there were doubts in SP4's testimony and reliability issues; and (F) whether there was a gap in the prosecution's case when no witness from customs was called to explain how P18 could pass the customs scanner and this affected SP4's evidence ('the last issue').

Held, dismissing the appellant's appeal, and affirming the HCJ's decision:

(1) Based on the HCJ's findings above, the court found that the HCJ had complied with s 182A of the CPC. The court also found that there was no requirement for all case items to be sent for DNA testing. If there was strong direct evidence, then the DNA evidence was not required. The HCJ had also made a finding that the appellant knew about the drugs being brought since Ah Kent's character did not raise reasonable doubt based on the reasons given above (see paras 49–51).

(2) The HCJ had not erred in finding that: (a) custody and control could be proven via direct evidence or circumstantial evidence; and (b) possession could be proven by statutory presumption (see paras 52–53).

(3) The evidence referred to in relation to the prosecution case above showed the appellant's control, custody and knowledge of the drugs found in the bag. The appellant's fearful and agitated behavior showed that the appellant knew that the said drug was in his bag. In addition, the possession proven against the appellant was based on the evidence that had been explained, meaning that this possession could not reasonably be doubted. As for the element of trafficking, the act of the appellant who was carrying the P18 bag from Kuala Lumpur for the trip to Seoul fell under the definition of trafficking under s 2 of the DDA. There was no requirement to prove an 'overt act'. The appellant was arrested while in the act of carrying the drugs from one place to another in large quantities that were not possible for personal use. The conclusion that could be made was that the drug was brought for the purpose of trafficking (see paras 54, 56, 58, 60–61, 63 & 67).

(4) The testimony of SP4 as a police witness was correctly accepted by the HCJ. There was no reason for him to have malicious intent against the appellant. He had no relationship with the appellant. His testimony was not in favor of any party. He testified about what he saw and the actions he took. There was no reason to declare his testimony dubious and unreliable (see paras 68–69).

(5) Regarding the last issue, this issue was not raised at all during the trial by the appellant. The appellant accepted the fact that P18 had passed the 'scanner' and did not cross-examine the prosecution witnesses on this matter. Since this issue was not raised during the trial, there was no requirement for the prosecution to call witnesses regarding this matter. The appellant also did not challenge the testimony of the prosecution witness that he was the one carrying the bag containing the drugs (see paras 71–72).

(6) Based on the court's analysis of the prosecution case and the defence case as well as the issues that have been explained above, the court was of the view that the charge against the appellant had been proven beyond reasonable doubt. The court also found that the HCJ was not mistaken in

its findings of fact and law in this case. In totality, the findings of the HCJ should not be set aside in this appeal (see paras 73–74).]

Kes-kes yang dirujuk

Chan Pean Leon v PP [1956] 1 MLJ 237 (diikut)
Johar bin Mustapha v PP [2009] 6 MLJ 593; [2009] 6 CLJ 193, MP (dirujuk)
Methan Aydroos Mohamed Pillai Naina Mohamed v PP [2013] 1 LNS 968, MR (diikut)
Munuswamy Sundar Raj v PP [2015] 6 MLJ 214; [2016] 1 CLJ 357, MP (dirujuk)
PP v Herlina Purnama Sari [2016] 2 MLJ 724; [2017] 1 MLRA 499, MR (dirujuk)
PP v Lim Hock Boon [2009] 3 MLJ 604, FC (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, MP (dirujuk)
Warner v Metropolitan Police Commissioner [1968] 2 All ER 356, HL (dirujuk)
Wong Swee Chin v Public Prosecutor [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 39B(1)(a), Jadual Pertama
Kanun Tatacara Jenayah s 182A

Rayuan daripada: *Pendakwa Raya lwn Sim Chee Hung* [2020] MLJU 2375 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

K Viknesvaran (Viknes Ratna & Co) bagi pihak perayu.
Nahra Dollah (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Abu Bakar Jais HMR:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah satu rayuan terhadap keputusan hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') yang bijaksana yang telah mendapati perayu bersalah dan dikenakan hukuman mati atas pertuduhan mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

PERTUDUHAN

[2] Perayu dihadapkan di Mahkamah Tinggi dengan pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 18 Mei 2019 jam lebih kurang 2.00 petang di Hammerhead Gate Q6, KLIA 2 di dalam Daerah Sepang dalam negeri Selangor telah didapati mengedar dadah berbahaya jenis Methamphetamine seberat 1414.0 gram. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B Akta

Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

KES PENDAKWAAN

[3] Pada 18 Mei 2019 jam lebih kurang 1.30 petang, Detektif Sarjan Fadzil bin Sudin (SP4) bersama sepasukan anggota menjalankan tugas pemeriksaan secara rambang di bahagian pelepasan antarabangsa aras 3, KLIA 2.

[4] Ketika menjalankan tugas itu, SP4 melihat seorang lelaki Cina dalam keadaan mencurigakan seperti kelihatan takut dan gelisah. SP4 dan anggotanya lalu menahan lelaki cina tersebut, yang kemudian dicamkan sebagai orang kena tuduh ('OKT') iaitu perayu.

[5] SP4 kemudian membuat pemeriksaan badan OKT tetapi tidak ada barang salah dijumpai. Apabila ditanya mengenai barang yang dibawanya, OKT memberitahu SP4 bahawa dia ada *check in* satu beg di kaunter. Ketika itu SP4 melihat tangan OKT menggeletar dan berpeluh. Ketika itu OKT membawa satu beg silang (P19).

[6] SP4 telah memeriksa P19 dan menjumpai satu *boarding pass* PNRYZSIVT (P19(D)) atas nama OKT bagi penerbangan dari KL ke Seoul yang terlekat dengan satu tag beg bernombor 0843492374 (P19(E)).

[7] SP4 kemudian membawa OKT ke *gate* 06 bahagian pelepasan antarabangsa untuk mengambil beg yang OKT telah *check in* itu.

[8] Sampai di *gate* 06 dibahagian *hammerhead gate*, seorang kakitangan Air Asia telah membawa satu beg (P18) yang dibaluti dengan plastik lutsinar bertagkan No 0843492374 (P18A) dan diserahkan kepada SP4. OKT mengaku beg tersebut kepunyaannya.

[9] Apabila pembalut plastik dibuka didapati beg tersebut berwarna coklat dengan tulisan KAMLIANT yang mempunyai kunci kombinasi. OKT telah membuka kunci kombinasi beg.

[10] Bila beg dibuka SP4 mendapati terdapat baju, 13 seluar jeans, tiga helai seluar pendek dan lain-lain pakaian di dalamnya. SP4 kemudian menyelak barang-barang dalam beg tersebut dan mendapati terdapat benjolan di bahagian bawah beg yang ditutup dengan lapisan papan nipis. SP4 mengesyaki terdapat sesuatu barang salah di dalamnya.

[11] SP4 telah menutup semula beg itu dan membawa OKT bersama begnya ke Pejabat Narkotik KLIA2 untuk pemeriksaan lanjut. **A**

[12] Di Pejabat Narkotik, SP4 telah memeriksa semula beg dengan membuka zip bahagian kain yang menutup bahagian dalam beg dan mendapati terdapat papan kecil (dua keping bersambung) berbalut dengan kain hitam (P18A dan B) di bahagian bawah beg. **B**

[13] SP4 telah menarik papan kecil tersebut dan membuka lipatan papan itu. Apabila dibuka lipatan papan itu SP4 mendapati terdapat satu bungkusan lutsinar (P7(1)) yang di dalamnya mengandungi serbuk kristal yang disyaki dadah berbahaya jenis syabu. **C**

DAPATAN HMT DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[14] HMT mendapati pihak pendakwaan telah membuktikan dadah yang dijumpai dalam beg OKT adalah dadah berbahaya jenis methamphetamine sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 berjumlah 1,414g melalui keterangan Ahli Kimia, Dr Saravanan Kumar a/l Jayaram, SP1. Keterangan SP1 tidak pernah dicabar. **D**

E

[15] HMT menyimpulkan bahawa pemilikan OKT terhadap dadah dengan OKT mengetahui yang dimiliki itu adalah dadah berbahaya dan ini telah dibuktikan.

F

[16] Pembuktian ini dapat dilihat dari keterangan SP4 yang melihat OKT bersendirian menarik beg yang mengandungi dadah dengan beg berkunci yang hanya OKT sahaja mengetahui kombinasi kunci apabila SP4 meminta OKT membuka beg tersebut.

G

[17] Beg tersebut telah dibuktikan dimiliki OKT yang ditunjukkan dari keterangan terdapatnya tag beg (P18A) pada beg (P18) yang mempunyai nombor siri yang sama dengan keratan tag beg (P19D) yang dijumpai dalam beg silang (P19) yang disilang di badan OKT. Didalam beg (P18) turut mengandungi seluar jeans Edwin yang disahkan oleh Ahli Kimia, Ahmad Tarmizzi, SP5 mengandungi profil DNA OKT. **H**

[18] Butir lengkap mengenai bagasi yang dikemukakan oleh SP6 (P31) dari AirAsia berkaitan penumpang berdasarkan *boarding pass* PNRYZSIVT (P19E) yang dijumpai dalam beg silang mengesahkan bahawa No Siri 0843492374 yang terdapat di kedua-dua tag beg (P18A dan P19D) yang dijumpai dibeg (P18) dan beg silang (P19) adalah atas nama OKT. **I**

[19] Melalui rakaman CCTV dikawasan lapangan terbang KLIA2,

menunjukkan OKT sejak dari awal telah memegang beg (P18) dan menariknya dari luar dan masuk ke dalam bangunan terminal lapangan terbang.

[20] Selain itu dari keadaan beg berkunci dan OKT saja mengetahui kombinasi kunci dan dari kandungan beg yang mempunyai pakaian OKT dan cara dadah itu disembunyikan dengan bersusah payah dibahagian direka khas di bahagian bawah beg, boleh di simpulkan dan memberi inferens bahawa OKT mengetahui di dalam beg yang dibawa itu mengandungi dadah.

[21] OKT dari *boarding pass* serta butir *flight manifest* penerbangan Air Asia dari ke Seoul Korea bertarikh 18 Mei 2019 telah didaftar masuk dalam senarai penumpang yang memegang *boarding pass* siri PNRYZSIVT tetapi tidak hadir (*no show*). Semakan SP7 dengan Jabatan Imigresen (P44) mendapati pada tarikh 18 Mei 2019 tersebut OKT telah didaftar keluar dari pintu keluar KLIA2.

[22] Jelas bahawa OKT telah membawa dari satu tempat ke satu tempat dadah-dadah tersebut yang merupakan satu perbuatan mengedar dadah-dadah tersebut. Dengan jumlah dadah yang banyak tidak mungkin untuk kegunaan OKT sendiri tetapi sebaliknya boleh dikatakan dibawa bagi tujuan mengedarkan dadah tersebut kepada pihak lain.

[23] Isu mengenai terdapat profil DNA individu lain pada seluar jeans 'M4' dan 'M5' tidak menjejaskan kes pihak pendakwaan memandangkan tidak ada keterangan yang menunjukkan terdapat orang lain mempunyai akses atau yang memiliki beg atau dadah tersebut kecuali OKT.

[24] HMT dapati OKT mempunyai milikan sebenar dadah tersebut dan melalui keterangan langsung OKT membawa dadah itu untuk tujuan pengedaran.

[25] Oleh itu, HMT mendapati pihak pendakwaan telah mengemukakan satu kes prima facie terhadap OKT.

KES PEMBELAAN

[26] OKT menyatakan beliau tidak mempunyai pekerjaan dan tinggal di Seremban. Sebelum kejadian kawan OKT telah memperkenalkannya dengan seorang ejen yang menawarkan pekerjaan kilang di Busan, Korea.

[27] OKT telah menghubungi agen tersebut. Ejen tersebut meminta OKT pergi ke Hotel FB di Kuala Lumpur dan berjumpa seorang bernama Ah Kent. Ejen tersebut meminta OKT menyerahkan passportnya kepada Ah Kent.

[28] Pada 11 Mei 2019 OKT telah pergi berjumpa Ah Kent di Hotel FB dan menyerahkan passport beliau. Dalam perjumpaan itu Ah Kent memaklumkan pada OKT bahawa semua kos perbelanjaan termasuk kos bagasi, cukai dan perbelanjaan membeli pakaian musim sejuk akan ditanggung oleh Ah Kent.

[29] Ah Kent meminta OKT tinggal di hotel itu selama seminggu memandangkan OKT akan berlepas ke Korea pada bila-bila masa sahaja. Ah Kent memberi OKT wang perbelanjaan RM25 sehari selama tinggal di hotel.

[30] Pada 18 Mei 2019, Ah Kent memberitahu OKT untuk bersedia berlepas ke Korea dan sebuah kereta Grab sedang menunggu OKT di hotel. Tanpa persediaan, OKT telah turun dari hotel dan berjumpa Ah Kent di bawah. Ah Kent telah memberi wang belanja RM1,000 untuk tambang Grab ke KLIA2, membungkus bagasi, membeli kad sim dan wang belanja makan semasa di Korea.

[31] Semasa dalam perjalanan ke KLIA2 telah menerima tiket ke Korea dari Ah Kent melalui *wechat.* Melalui *wechat* itu Ah Kent memberitahu OKT bagaimana hendak mengambil tiket di kaunter dan menukar wang serta mengarah OKT supaya mengikut pintu 21.

[32] Sampai di KLIA2 OKT telah masuk melalui pintu 21. OKT telah melalui mesin pengimbas. Pihak polis telah memeriksa tubuh dan beg silang OKT dan tidak menjumpai apa-apa barang salah.

[33] Selepas beg OKT sampai, pihak polis telah meminta dari OKT akan kata laluan kombinasi kunci beg. OKT memberitahu tidak tahu. Polis kemudian meminta OKT menghubungi ejen melalui *wechat.* Kemudian ejen menghantar *password* kunci beg dan OKT memberikan *password* kepada polis. Dengan menggunakan *password* itu polis berjaya membuka beg dan mendapati ada bonjolan di bahagian bawah beg.

[34] OKT dan beg (P18) telah dibawa ke pejabat polis KLIA2 untuk pemeriksaan lanjut. Pihak polis telah membuka semula beg dan telah membuka di bahagian yang berbonjol dengan menggunakan pisau. Polis kemudian mendapati dadah ditepi bahagian pelapik hitam itu. OKT kemudian di tangkap.

[35] Menurut OKT beg itu bukan disediakan oleh beliau tetapi telah sedia ada di dalam *Grab car*. OKT kemudian memberitahu nombor telefon Ah Kent. Pihak polis ada cuba menghubungi Ah Kent tapi tidak berjaya. OKT telah mengemukakan beramarannya (D47).

DAPATAN HMT DI AKHIR KES PEMBELAAN

[36] Pembelaan OKT terangkum dalam prinsip pembawa yang tidak bersalah 'innocent carrier'.

[37] Berhubung *Notice Alcontara* tentang Ah Kent, HMT mendapati baik dalam percakapan beramaran OKT mahupun dari keterangan SP4 dan Pegawai Penyiasat, Insp Mardiah Mohamed, SP7 tidak pernah OKT memberi butir penuh penama tersebut kepada pihak polis untuk siasatan dijalankan.

[38] Walaupun peguambela menyatakan polis gagal menyiasat telefon bimbit OKT untuk menyiasat pembelan OKT ini, HMT mendapati perkara mengenai Ah Kent itu tidak pernah dinyatakan pada SP4 dan SP7 bahawa nama Ah Kent ada terkandung dalam telefon bimbitnya. Lebih-lebih lagi notis mengenai Ah Kent ini diberi begitu lewat iaitu enam hari selepas OKT ditangkap.

[39] Oleh itu, bukan tugas pihak polis untuk menyiasat dan pihak polis tidak boleh dipersalahkan. Kegagalan memberi butir lengkap ini dan maklumat mengenai Ah Kent yang begitu lewat menjadikan notis itu bukan satu notis *Alcontara* yang baik dan sempurna.

[40] Oleh itu HMT tidak percaya mengenai kewujudan penama Ah Kent itu.

[41] Mengenai pembelaan 'innocent carrier', HMT berpendapat mahkamah harus mempertimbangkan sama ada OKT telah atau ada membuat sebarang inkuiri atau menjalankan pemeriksaan akan kandungan beg yang dibawanya sebelum mendaftar masuk beg itu.

[42] Dalam kes ini, OKT langsung tidak membuat sebarang pertanyaan kepada Ah Kent akan kandungan beg P18 itu walaupun menyedari bahawa Ah Kent yang membelikan beg P18 tersebut dan yang menyimpan segala barang ke dalamnya serta membawanya masuk ke kereta Grab dan tidak memberi peluang OKT untuk melihat kandungan yang ada dalamnya.

[43] HMT mendapati pembelaan OKT sebagai pembawa beg P18 yang tidak bersalah dan tidak mengetahui kandungan beg P18 itu adalah dadah tidak boleh diterima dan tidak boleh dipercayai.

[44] HMT percaya bahawa OKT memiliki dan mengetahui akan dadah itu dan tidak mungkin jumlah dadah yang banyak itu untuk kegunaan OKT sendiri kecuali untuk tujuan pengedaran.

[45] Pembelaan OKT telah gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah atas kes pihak pendakwaan. Sebaliknya pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya terhadap OKT melampaui keraguan yang munasabah.

[46] Oleh itu perayu sebagai OKT telah disabitkan oleh HMT dengan pertuduhan di atas dan dijatuhkan hukuman mati.

ISU-ISU RELEVAN UNTUK RAYUAN

[47] Perayu membangkitkan isu-isu seperti dinyatakan di bawah untuk rayuannya di hadapan kami. Kami juga mendapati terdapat isu lain yang harus diputuskan. Kami menyatakan dapatan kami berhubung kesemua isu-isu ini seperti yang tertera.

Sama ada HMT telah menilai dengan adilnya pembelaan menurut s 182A Kanun Tatacara Jenayah

[48] Seksyen ini menyebut seperti berikut:

> (1) At the conclusion of the trial, the Court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.
>
> (2) If the court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall find the accused guilty and he may be convicted on it.
>
> (3) If the Court finds that the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall record an order of acquittal.

[49] Adalah jelas kepada kami seperti yang dinyatakan berkenaan kes pendakwaan, dapatan HMT di akhir kes pendakwaan, kes pembelaan dan dapatan HMT di akhir kes pembelaan, hujahan berkenaan isu ini oleh perayu adalah tidak benar. Semua perkara-perkara yang telah dinyatakan di atas, menunjukkan HMT telah menilai segala keterangan yang dikemukan ketika perbicaraan. HMT dengan dapatan yang dibuat, telah menuruti s 182A Kanun Tatacara Jenayah tersebut.

[50] Juga adalah tidak benar untuk semua barang kes perlu untuk dihantar untuk ujian DNA. Sekiranya terdapat keterangan langsung yang kukuh, maka keterangan DNA tidak diperlukan. Ini termasuk beg yang dibawa sendiri oleh perayu dan tiada pertikaian mengenai perkara ini.

[51] Di dalam kes ini, seperti yang didapati HMT juga perayu tahu mengenai dadah yang dibawa kerana antara lainnya watak Ah Kent yang

ditimbulkan tidak membangkitkan keraguan yang munasabah atas sebab-sebab yang telah diberikan oleh HMT seperti di atas.

Sama ada HMT telah salah arah hingga terjumlah kepada tiada arahan ('misdirection amounting to non-direction')

[52] Berkenaan dengan isu ini, HMT tidak khilaf untuk mendapati jagaan dan kawalan boleh dibuktikan melalui keterangan langsung atau melalui keterangan ikut keadaan.

[53] HMT juga tidak khilaf untuk mendapati pemilikan boleh juga dibuktikan melalui anggapan statutori.

Sama ada YA HMT khilaf apabila mensabitkan perayu dibawah s 39B(1)(a) ADB 1952 dan menjatuhkan hukuman mati

[54] Perayu mempunyai kawalan, jagaan dan pengetahuan terhadap dadah yang dijumpai di dalam beg P18. Keterangan yang ditunjukkan mengenai kes pendakwaan seperti di atas menunjukkan kawalan, jagaan dan pengetahuan perayu mengenai dadah yang dijumpai di dalam beg tersebut. Meneliti kes pembelaan seperti yang dinyatakan di atas pula, kami tidak dapat menyatakan satu keraguan munasabah telah ditimbulkan perayu terhadap kes pendakwaan.

[55] Di dalam kes *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 237, pula dinyatakan seperti berikut:

> ... In my experience there is no question which magistrates find more difficult to deal with than this question of what amounts to 'possession' for the purposes of the criminal law. Much of this difficulty arises from a failure to appreciate that in reality there are two separate questions involved. The first is whether the accused party was in possession of the article in question and the second by reason of the application of the maxim actus non facit reum nisi mens sit rea is whether he had knowledge of the nature of the thing possessed.
>
> 'Possession' itself as regards the criminal law is described as follows in *Stephen's Digest* (9th Ed) p 304):
>
> > A moveable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need.
>
> To put it otherwise, there is a physical element and a mental element which must both be present before possession is made out. The accused must not only be so situated that he can deal with the thing as if it belonged to him, for example have it in his pocket or have it lying in front of him on a table. It must also be shown that he had the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so, in other words, that he had some animus possidendi. Intention is

a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by inference from the surrounding circumstances. Whether these surrounding circumstances make out such intention is a question of fact in each individual case. If a watch is in my pocket then in the absence of anything else the inference will be clear that I intend to deal with it as if it were my own and accordingly I am in possession of it. On the other hand, if it is lying on a table in a room in which I am but which is also frequently used by other people then the mere fact that I am in physical proximity to it does not give rise to the inference that I intend to deal with it as if it belonged to me. There must be some evidence that I am doing or having done something with it that shows such an intention. Or it must be clear that the circumstances in which it is found show such an intention. It may be found in a locked room to which I hold the key or it may be found in a drawer mixed up with my own belongings or it may be found, as occurred in a recent case, in a box under my bed. The possible circumstances cannot be set out exhaustively and it is impossible to lay down any general rule on the point. But there must be something in the evidence to satisfy the court that the person who is physically in a position to deal with the thing as his own had the intention of doing so. It is true that in prosecutions under the Dangerous Drugs Ordinance a lack of evidence in this connection may be made good by the statutory presumptions contained in that Ordinance. But there are no such presumptions in the Common Gaming Houses Ordinance nor are there any such presumptions in relation to possession of stolen property.

Once possession is proved then before the accused person can be convicted it is necessary in addition to prove mens rea. And for this purpose as was pointed out by Gordon-Smith Ag CJ in the case of *Toh Ah Lam and Mak Thim v Rex* [1949] 1 MLJ 54, it is necessary to prove that the person in possession knows the nature of the thing possessed.

If the thing, as in Toh's case, is in a box which itself is in the possession of the accused it must be proved that he knew what was in the box. If, as in *Lee*'s case, it was a lottery document it must be proved that he knew it was a lottery document. Here again knowledge cannot be proved by direct evidence, it can only be proved by inference from the surrounding circumstances.

Again the possible variety of circumstances which will support such an inference is infinite. There may be something in the accused's behaviour that shows knowledge, or the nature of the thing may be so obvious that it is possible to say 'he must have known what it was' or, again in cases under the Dangerous Drugs Ordinance, there may be a statutory presumption which fills a gap in the evidence.

[56] Berpandukan apa yang dinyatakan di atas, pemilikan yang dibuktikan terhadap perayu berdasarkan keterangan yang telah dijelaskan, bermakna pemilikan ini tidak dapat diragukan dengan munasabah.

[57] Di dalam kes *Warner v Metropolitan Police Commissioner* [1968] 2 All ER 356 pula dinyatakan seperti berikut:

In all such cases, the starting point will be that the accused had physical control of something — a package, a bottle, a container — found to contain the substance.

A This is evidence — generally strong evidence of possession. It calls for an explanation. The explanation will be heard and the jury must decide whether there is genuine ignorance of the presence of the substance, or such an acceptance of the package with all that it might contain, or with such opportunity to ascertain what it did contain or such guilty knowledge with regard to it as to make up the statutory B possession.

[58] Kami juga bersetuju kelakuan perayu ketika kejadian juga relevan. Ini dinyatakan oleh SP4 iaitu perayu kelihatan takut dan gelisah sebelum ditahan dan tangannya mengeletar dan berpeluh ketika pemeriksaan dilakukan ke C atasnya. Ini menunjukkan bahawa perayu mempunyai pengetahuan terhadap kandungan begnya yang mempunyai dadah (sila lihat *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717).

D **[59]** HMT juga dengan betulnya menyatakan seperti berikut:

Mengguna pakai prinsip di atas, setelah menilai secara maksima keterangan saksi-saksi pendakwaan yang mahkamah ini dapati saksi yang kredibel, menyimpulkan bahawa pemilikan tertuduh terhadap dadah dengan tertuduh mengetahui yang dimiliki itu adalah dadah berbahaya telah dibuktikan.

E

Sama ada pengedaran dibawah s 2 ADB 1952 dibuktikan

[60] Pertamanya kami dapati perayu tidak mempertikaikan bahawa dia telah ditahan di KLIA2 semasa membawa dadah yang disembunyikan di dalam beg F P18 tersebut. Keterangan menunjukkan bahawa perayu sedang membawa beg tersebut dari Kuala Lumpur untuk perjalanan ke Seoul.

[61] Untuk elemen pengedaran, perbuatan perayu yang membawa beg P18 tersebut adalah terjatuh di bawah definisi pengedaran di bawah s 2 ADB 1952. G Ini dilihat di dalam kes *Munuswamy Sundar Raj v Public Prosecutor* [2015] 6 MLJ 214; [2016] 1 CLJ 357 di mana Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

[14] The ingredient of trafficking was established when the appellant carried the drugs from New Delhi airport to Kuala Lumpur (see s 2 of the Act). H

[62] Kami berpendapat satu kes penting berpandukan kepada keterangan yang telah diberikan di dalam kes rayuan di hadapan kami ialah kes *Methan Aydroos Mohamed Pillai Naina Mohamed v Public Prosecutor* [2013] 1 LNS 968 I di mana hakim Mahkamah Rayuan, Azahar Mohamed (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

[26] That is not all. In our judgment, on consideration of the evidence and the material available on the record of appeal, there was more than sufficient admissible evidence to support a finding of trafficking independent of the trafficking

presumption under s 37(da) of the Act having regard to the definition under s 2 of which defines the offence as:

> 'trafficking' includes the doing of any of the following acts, that is to say, manufacturing, importing, exporting, keeping, concealing, buying, selling, giving, receiving, storing, administering, transporting, carrying, sending, delivering, procuring, supplying or distributing any dangerous drug otherwise than under the authority of this Act or the regulations made under the Act.

[27] In this instant case, the appellant was apprehended in the act of carrying ketamine weighing in total 5,759.3g, which in our view an amount much larger than was likely to be used for his own consumption. And what is more glaring was the manner on how the drugs were concealed in the photo frames; this indicated an intention to avoid detection. Drugs traffickers would use all kinds of tricks or deception to conceal the drugs from being detected by enforcement agencies (see: *Teh Hock Leong v Public Prosecutors* [2008] MLJU 284; [2008] 4 CLJ 764). And the most telling evidence is that the appellant had brought the drugs from India into Malaysia. This was sufficient to lead to a strong and irresistible inference that the purpose for which the appellant was in possession of the drugs he was carrying was to transfer the possession of the offending drug to another party in our country (see: *Ong Ah Guan v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64 and *Mohamad Yazri b Minhat v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 241; [2003] 2 CLJ 65). That's why, the case of *Soorya Kumar Narayanan & Anor v Public Prosecutor* relied on by learned counsel for the appellant is distinguishable on its facts and did not support the appellant's case.

[63] Di dalam kes rayuan di hadapan kami ini juga perayu telah ditahan semasa membawa dadah dalam jumlah yang besar dari Kuala Lumpur menuju ke Seoul. Oleh itu, tindakan perayu adalah terjumlah kepada membawa (*carrying*) dadah di dalam beg P18 dan terjumlah kepada kategori pengedar (*trafficker*) di bawah s 2 ADB 1952.

[64] Juga kes *Public Prosecutor v Lim Hock Boon* [2009] 3 MLJ 604 harus diambil kira kerana ianya juga boleh digunakan untuk menunjukkan sabitan terhadap perayu adalah selamat. Kes ini memutuskan seperti berikut:

> [33] A good example where the *definition of trafficking* in s 2 of the Act was invoked is in the case of *Public Prosecutor v Abdul Manaf Muhamad Hassan* [2006] 3 MLJ 193; [2006] 2 CLJ 129. *There the Federal Court, in order to avoid contravening the bar against the use of double presumptions following the case of Muhammed bin Hassan v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 273; [1998] 2 CLJ 170, *substituted the presumption of trafficking under s 37(da) of the Act relied on by the trial court, to find trafficking in the dangerous drugs by carrying under s 2 of the Act. The Federal Court ruled that the Court of Appeal ought to have applied the proviso to s 60(1) of the Courts of Judicature Act 1964 and upheld the conviction and sentence notwithstanding the misdirection by the learned trial judge in applying the double presumptions under 37(d) and (da) of the Act to convict the accused.*

A [34] It is worthy of note that there is only one offence of trafficking under the Act. However, there are several acts that may constitute the offence. If the prosecution is not able to bring its case within one of the acts (see *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64) under s 2 of the Act, but is nevertheless able to establish the existence of primary facts that draw the presumptions under the Act, then the court is enjoined to draw those presumptions, subject of course to the bar as set out by Muhammed Hassan. (Penekanan ditambah.)

[65] HMT tidak khilaf apabila memutuskan di dalam kes ini wujudnya elemen 'membawa' walaupun tiada rujukan di buat kepada s 2 ADB 1952. Ini dilihat apabila dapatan HMT terlihat di perenggan [19] ms 25 alasan penghakiman Jld 1 seperti berikut:

[19] Tertuduh dari boarding pass serta butir flight manifest penerbangan Air Asia dari Seoul Korea bertarikh 18 Mei 2019 telah didaftar masuk dalam senarai penumpang yang memegang boarding pass siri PNR YZSIVT tetapi tidak hadir (*no show*). Semakan SP7 dengan jabatan Imigresen (P44) mendapati tarikh 18 Mei 2019 tersebut, tertuduh telah didaftar keluar dari pintu KLIA2. Jelas bahawa tertuduh telah membawa dari satu tempat ke satu tempat dadah-dadah tersebut yang merupakan satu perbuatan mengedar dadah-dadah tersebut. Dengan jumlah dadah yang banyak tidak mungkin untuk kegunaan tertuduh sendiri tetapi sebaliknya boleh dikatakan bahawa bagi tujuan mengedarkan dadah tersebut pada pihak lain (kes *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64 dan *Public Prosecutor v Abdul Manaf bin Muhammad Hassan* [2006] 3 MLJ 193 dirujuk).

[66] Juga adalah tidak perlu 'over act' bagi setiap tindakan perayu. Di dalam kes *Public Prosecutor v Herlina Purnama Sari* [2016] 2 MLJ 724; [2017] 1 MLRA 499 dinyatakan seperti berikut:

[38] With respect, the proposition that there must be in all cases an overt act in order to constitute trafficking is misconceived. It would be contrary to the definition of trafficking as provided for under s 2 of the Act ...

[39] We are of the view that whether or not a person is a trafficker within the definition of s 2 of the Act is dependent on the facts and circumstances of a given case. In this case, it is not in dispute that when the respondent was arrested she was carrying the luggage bag which amongst other things contained the impugned drugs. The respondent was apprehended in the act of carrying from one place to another a large amount of dangerous drugs. It is in evidence that the respondent was unaccompanied by any person when she carried the luggage bag. The luggage bag was registered in the respondent's name when she checked in at the Air Asia check-in counter. The impugned drugs were found hidden in the two boxes. In fact, the drugs were neatly and securely concealed from view in both the boxes. We are of the view that the manner in which the impugned drugs were concealed in the luggage bag showed that the respondent knew the existence of the drugs there, and evinced the intention of and careful planning by the respondent to conceal the impugned drugs to avoid and escape detection (*Public Prosecutor v Abdul Rahman Akif* [2007] 1 MLRA 568 and *Teh Hock Leong v Public Prosecutor* [2008] 1 MLRA 548).

[67] Begitu juga di dalam kes ini, tiada keperluan untuk membuktikan perlakuan 'over act'. Perayu telah didapati dan ditahan semasa dalam perbuatan membawa dadah dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam kuantiti yang banyak yang tidak mungkin untuk kegunaan sendiri. Kesimpulan (*inference*) yang boleh dibuat ialah dadah tersebut dibawa untuk tujuan pengedaran. Mengenai perkara ini, kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Johar bin Mustapha v Public Prosecutor* [2009] 6 MLJ 593; [2009] 6 CLJ 193 adalah berkaitan dan di mana telah diputuskan seperti berikut:

> Evidence of Trafficking
>
> [40] ...
>
> [41] In our respectful view, the act of the appellant in carrying or transporting a large quantity of drugs ie, 19,152g of cannabis in the boot of his car amounted to the act of trafficking of the said drugs as defined under s 2 of the DDA 1952.
>
> [42] Section 2 of the DDA 1952 provides that:
>
> > 'trafficking' includes the doing of the following acts, that is to say, manufacturing, importing, exporting, *keeping*, concealing, buying, selling, giving, receiving, storing, administering, *transporting*, *carrying*, sending, delivering, procuring, supplying or distributing any dangerous drugs. (Emphasis added.)
>
> [43] Therefore, in our judgment, looking at the totality of the evidence before the court, we conclude that there is abundant evidence to support a charge of trafficking, with or without resorting to the presumption of trafficking under s 37(da) of the DDA 1952.
>
> [44] We feel it is appropriate at this juncture to refer to the 'purpose approach' in the judgment of Lord Diplock in the celebrated case of *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64; [1980] 1 LNS 181 where it was held (at p 69) as follows:
>
> > Proof of the purpose for which an act is done, where such purpose is a necessary ingredient of the offence with which an accused is charged, presents a problem with which criminal courts are very familiar. Generally, in the absence of an express admission by the accused, the purpose with which he did an act is a matter of inference from what he did. Thus, in the case of an accused caught in the act of conveying from one place to another controlled drugs in a quantity much larger than is likely to be needed for his own consumption the inference that he was transporting them for the purpose of trafficking in them would, in the absence of any plausible explanation by him, be irresistible — even if there were no statutory presumption such as is contained in s 15 of the Drugs Act (see also *Public Prosecutor v Ouseng sama - Ee* [2008] 1 CLJ 337)
>
> [45] There is no doubt to us that the evidence in our case supports such inference to be drawn as in *Ong Ah Chuan*. The same principle was also applied in *Mohamad Yazri Minhat v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 241; [2003] 2 CLJ 65.

Sama ada terdapat keraguan keterangan SP4 dan isu kebolehpercayaan

[68] Keterangan SP4 sebagai saksi polis telah dengan betulnya diterima oleh HMT. SP4 adalah saksi polis yang bertugas semasa kejadian dan telah menahan Perayu apabila mendapati keadaan perayu yang mencurigakan.

[69] Tiada sebab untuk beliau berniat jahat terhadap perayu. Beliau tidak ada hubungan dengan perayu sebelum ini. Keterangan beliau tidak memihak kepada mana-mana pihak. Beliau memberi keterangan tentang apa yang beliau nampak dan tindakan yang diambilnya. Tiada sebab untuk menyatakan keterangan beliau meragukan dan tidak boleh dipercayai.

Sama ada terdapat kelompangan di dalam kes pendakwaan apabila tiada ada saksi dari kastam yang dipanggil bagi menerangkan bagaimana beg boleh melepasi 'scanner' kastam dan ini menjejaskan keterangan SP4

[70] Isu ini tidak ditimbulkan langsung semasa perbicaraan oleh perayu. Perayu menerima hakikat beg telah melepasi *scanner* dan tidak menyoal balas saksi-saksi pendakwaan mengenai perkara ini.

[71] Oleh kerana isu ini tidak ditimbulkan semasa perbicaraan, maka pihak pendakwaan tidak diperlukan memanggil saksi berkenaan perkara ini.

[72] Perayu tidak juga mencabar keterangan saksi pendakwaan bahawa dia yang membawa beg yang kemudiannya ditemui dadah. Sehubungan dengan ini, di dalam kes-kes Mahkamah Persekutan *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138 dinyatakan seperti berikut:

> ... Mr Jagjit Singh also raised as one of his main grounds of appeal that the trial judge erred in law when he held that the failure of the defence to cross examine the two prosecution witnesses on the ammunition actually found in the trouser pockets of the appellant at the time of his arrest (the subject-matter of the third charge) constituted a clear admission of the charge of possession by the appellant. We consider that statement of the law as a misdirection. A correct statement of the law is that failure of the defence to cross-examine the prosecution witnesses on the matter merely goes to the credibility of their testimony, to wit, the fact that they found the ammunition in the appellant's trouser pockets remains unshaken. On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony ...

KESIMPULAN

[73] Apabila diteliti kes pendakwaan dan kes pembelaan seperti dinyatakan dan juga isu-isu yang juga dijelaskan di atas, kami tiada kesangsian bahawa pertuduhan yang dihadapi oleh perayu telah pun dibuktikan tanpa keraguan yang munasabah.

[74] Kami juga mendapati HMT tidak khilaf dalam penemuan fakta dan undang-undang dalam kes ini. Secara kesuluruhannya dapatan beliau tidak harus diketepikan di dalam rayuan ini.

[75] Oleh itu kami sebulat suara mengekalkan keputusan yang dibuat oleh HMT yang bijaksana. Tiada sebab untuk kami mengganggu sabitan dan hukuman yang telah dibuat di Mahkamah Tinggi berdasarkan alasan-alasan yang kami berikan di sini. Rayuan perayu dengan ini adalah ditolak.

Rayuan perayu ditolak; keputusan HMT dikekalkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar